

07/11/1997

Bernas bantu ekonomi Guinea

Jamhariah Jaafar in Conakry, Guinea

PADIBERAS Nasional Bhd (Bernas) membuktikan komitmen kerajaan Malaysia untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi Guinea, selepas projek penanaman padi yang diusahakannya di negara itu membuahakan hasil sulung, semalam.

Kejayaan itu turut mengukuh azam Malaysia untuk membantu Guinea menjadi pintu masuk ke pasaran Afrika Barat bagi pelbagai produk pertanian dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, yang hadir untuk majlis tuaian hasil pertama projek usaha sama Bernas dan kerajaan Guinea, berkata kejayaan itu adalah satu lagi usaha Malaysia untuk mengeratkan hubungan negara Selatan-Selatan.

"Saya difahamkan kejayaan projek yang dibuat menerusi Societo Bernas De Guinee (Sobergui), ini berjaya membuka mata kebanyakan negara pertubuhan di Guinea, negara Afrika Selatan malahan agensi antarabangsa."

"Kejayaan ini menjadi contoh terbaik bagi kerjasama Selatan-Selatan yang selama ini memang diperjuangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membantu meningkatkan kemakmuran negara jiran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penuaian pertama projek penanaman padi di kawasan seluas 800 hektar di daerah Monchon, kira-kira 200 kilometer dari Conakry, Guinea, semalam.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Presiden Guinea, Lansana Conte; Menteri Pertanian, Sumber Asli dan Hutan, Jean Paul Sarr; Pengerusi Bernas, Ruhanie Ahmad dan Pengarah Urusan Bernas, Mohd Ibrahim Nor.

Republik Guinea terletak di Afrika Barat adalah bekas jajahan Perancis. Dengan Islam sebagai agama rasmi, negara ini mencapai kemerdekaan pada 1958 tetapi mengamalkan sikap tutup pintu sehinggalah Conte mengambil alih pemerintahan 13 tahun lalu.

Pembangunan negara ini ketinggalan kira-kira 30 tahun berbanding Malaysia yang mencapai kemerdekaan hanya setahun lebih awal daripadanya.

Bernas memulakan kerja penanaman pada akhir tahun lalu, selepas Presidennya, Conte dan Dr Mahathir menandatangani perjanjian usaha sama, dengan menjadikan Sobergui sebagai sebuah syarikat usaha sama.

Syarikat terbabit memiliki modal AS\$10 juta, dengan modal berbayar AS\$3.4 juta. Bernas memegang 80 peratus daripada ekuiti Sobergui dan baki 20 peratus dikuasai kerajaan Guinea.

(END)